



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Jumaat, 27 OGOS 2021**

1.	600kg ayam dilucut hak jadi makanan ikan keli
2.	MAQIS Selangor tahan satu tan makanan tambahan haiwan
3.	Mangsa banjir alami kerugian ternakan mati
4.	Harga telur, ayam bersih masih stabil;KPDNHEP Buat perbandingan
5.	Kuda, anjing antara cuba diseludup
6.	Sumbang 600kg ayam sejuk beku

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.8.2021 JUMAAT	Kosmo Online		ONLINE

<https://www.kosmo.com.my/2021/08/26/600-kg-ayam-dilucutkan-hak-jadi-makanan-ikan-keli/>

### 600 kg ayam dilucutkan hak jadi makanan ikan keli



RANTAU PANJANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan menyerahkan sebanyak 600 kilogram (kg) ayam sejuk beku yang telah dilucutkan hak kepada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) Penor, Pahang semalam.

Serahan ayam beku bernilai RM5,700 untuk dijadikan sebagai makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi banduan di penjara berkenaan.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, kesemua serahan itu adalah daripada hasil sitaan keluaran pertanian import yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucut hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan di bawah Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

Katanya, Maqis Kelantan telah menyerahkan sumbangan 840 kilogram keratan ayam sejuk beku kepada Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan di Sungkai, Perak dua minggu lalu.

"Sumbangan yang dianggarkan bernilai RM7,000 bertujuan memastikan bekalan makanan haiwan dalam keadaan yang mencukupi dan memenuhi keperluan.

"Maqis Kelantan bersedia untuk membantu setiap agensi yang memerlukan bekalan untuk dijadikan sebagai makanan haiwan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. -KI ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.8.2021 JUMAAT	MSN NEWS		

## Maqis Selangor tahan satu tan makanan tambahan haiwan



KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan sekitar satu tan muatan makanan tambahan haiwan tanpa permit import dari China di Pelabuhan Klang Utara di sini pada Rabu.

Maqis Selangor dalam kenyataan berkata, muatan tersebut dikesan sekitar jam 11 pagi semasa pemeriksaan rutin pihaknya ke atas sebuah kontena di pelabuhan tersebut.

"Maqis menemui seberat 1,000 (kg) makanan tambahan haiwan bernilai RM28,521 yang cuba dibawa masuk dari China.

"Makanan tambahan tersebut telah ditahan untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen seperti permit import kepada pegawai pemeriksa," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, menurut Maqis, tindakan itu perlu diambil bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

"Buat masa sekarang kami menahan muatan tersebut sementara kes dalam siasatan.

"Perbuatan mengimport apa juga jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Sehubungan itu, mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh didenda melebih RM 100,000 atau dipenjarा sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.8.2021 JUMAAT	MSN NEWS	Online	

<https://www.msn.com/en-my/news/berita/mangsa-banjir-alami-kerugian-ternakan-mati/ar-AANNzAI>

## Mangsa banjir alami kerugian ternakan mati

NOOR AINON MOHAMED 1 hour ago

Like | 1



© Provided by Sinar Harian

BAGAN SERAI - Kejadian banjir yang melanda sekitar Mukim Beriah, Alor Pongsu di sini menyebabkan seorang penternak mengalami kerugian lebih RM1,500 apabila ternakan ayam yang diusahakan mati.

Mohammad Nasir Ismail, 41 berkata, kejadian yang pertama kali berlaku dalam tempoh 18 tahun itu menyebabkan kediamannya di Kampung Tersusun Batu 6 1/2, Matang Pasir di sini turut dipenuhi lumpur.

Menurutnya, lebih 20 ekor ayam arab yang diusahakan tahun lalu secara kecil-kecilan mati selain turut dimakan ular sawa.

"Sebaik terima video kejadian ban pecah di Sungai Beriah pada pagi Jumaat lalu di laman sosial, saya sudah jangka air pasti akan naik di kawasan ini.

"Jadi saya mengambil langkah awal dengan meletakkan reban ayam di kawasan tinggi, namun air naik dengan mendadak menyebabkan saya tidak sempat untuk melihat reban.

"Apabila air mula surut pada Rabu, saya dapati ayam ternakan ada yang mati di kawasan kelapa sawit berhampiran sebelum saya menanam bangkai-bangkai itu," katanya ketika ditemui pada program Misi Bantuan Banjir Perak pada Jumaat.



© Provided by Sinar Harian

Dia yang mula menternak ayam sebagai hobi sebelum menjadikannya sebagai pendapatan sampingan kini membaiki semula reban dan menabur kapur untuk meneutralkan kawasan bagi mengelakkan penyakit seperti hama.

"Kesemua ayam-ayam ini adalah untuk pasaran setempat seperti daerah Taiping dan Kuala Kangsar serta Gelugor, Pulau Pinang. Saya memperoleh sehingga RM1,000 setiap bulan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Setia Negara, Dr Afif Bahadin, berkata seramai 60 ahli dengan kerjasama Sukarelawan Pemuda Negara ditugaskan membantu membersihkan kediaman penduduk yang terjejas akibat lumpur banjir di Alor Pongsu dan Changkat Lobak.

Beliau berkata, selain kerja-kerja pembersihan pihaknya turut menyalurkan bantuan berupa barang dan pakaian perlindungan diri (PPE) di dua pusat pemindahan sementara (PPE) di kawasan ini.

"Usaha ini dijalankan bagi meringankan beban mangsa yang menghadapi kekangan peralatan dan tenaga untuk mencuci kediaman mereka.

"Sukarelawan kami sentiasa bersedia untuk turun ke kawasan yang berdepan bencana alam termasuk kejadian terbaharu fenomena kepala air di Yan, Kedah, baru-baru ini," jelasnya.

**HARGA TELUR, AYAM BERSIH MASIH STABIL: KPDNHEP**

# Buat perbandingan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

Putrajaya


**O**rang ramai tidak perlu panik berikutan harga purata runcit telur ayam dan ayam bersih standard dijual di pasaran masih berada pada paras stabil.

Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan semalam berkata, ayam bersih standard kekal stabil pada harga RM7.51 bagi setiap sekilogram.

"Hasil pemantauan dan analisis diperoleh daripada peringkat pengeluar dan pemborong oleh Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) menunjukkan harga jualan telur ayam bagi Gred A adalah sekitar 37 hingga 38 sen sebiji, Gred B (34 hingga 38 sen) dan Gred C (33 hingga 37 sen) dengan margin keuntungan antara satu hingga tiga sen setiap biji.

"Pemantauan turut mendapati terdapat peniaga yang masih menjual dengan harga yang lebih rendah berbanding harga kos," katanya.

Sebelum ini media melaporkan harga runcit telur ayam bagi setiap gred, ayam



HARGA runcit telur ayam yang dijual dalam kuantiti 30 biji lebih menjimatkan berbanding yang dijual dalam kuantiti 10 biji.

proses super serta ayam tua di seluruh negara mencatatkan paras tertinggi pada bulan ini.

Menurut data dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PVS), harga ayam dan telur ayam akan dikemas-kini pada tanggal 21 setiap bulan dan bagi bulan Ogos, ia mencatatkan paras tertinggi berbanding bulan sebelumnya.

Berikutan itu, KPDNHEP meminta pengguna membuat pilihan lebih bijak dan membuat perbandingan sebelum membeli barang ke-

perluan.

"Perlu diketahui, harga runcit telur ayam yang dijual dalam kuantiti 30 biji lebih menjimatkan berbanding yang dijual dalam kuantiti 10 biji. Oleh itu, pengguna digalakkan membuat pilihan bijak," katanya.

Bagaimanapun KPDNHEP berkata, pihaknya tetap mempergiatkan pemeriksaan di peringkat pengeluar, pengilang dan pengimport makanan ternakan ayam di bawah Op Rantai 7.0 (Makanan Ternakan Ayam) susulan daripada situasi ke-

naikan harga import makanan ternakan ayam yang turut memberi kesan kepada harga ayam dan telur.

"Untuk makluman, KPDNHEP melaksanakan penguatuasaan Op Pasar (telur ayam) sejak 2 Ogos lalu dan Op Rantai yang dilaksanakan sejak 11 Ogos.

"Pemantauan setiap hari yang diadakan itu sebagai pendekatan bagi memastikan pergerakan harga runcit ayam dan telur ayam tidak menekan pengguna dan memastikan pasaran sentiasa terkawal," katanya.

## Kuda, anjing antara cuba diseludup

**Rantau Panjang:** Perminatan tinggi terhadap haiwan eksotik dan peliharaan antara faktor mendorong perlakunya penyeludupan haiwan berkenaan di sempadan negara di sini.

Pegawai Pemerintah Battalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA8), Superintendant Mat Shukor Yusof berkata, pihaknya mengesan kekerapan penyeludupan haiwan itu menerusi beberapa tangkapan yang dibuat dalam tempoh pandemik Covid-19.

Katanya, haiwan dibawa masuk dari Thailand disebabkan harga ditawarkan negara berkenaan lebih murah berbanding pasaran tempatan.

"Rampasan terbaharu pada 18 Ogos lalu, apabila PGA8 menumpaskan cubaan menyeludup 19 anak anjing bernilai RM66,000 di Pos Pok Teh Kana, Jeram Perdah di sini.

"Berdasarkan setiap kes, didapati semua haiwan yang diseludup bukan hanya untuk pasaran Kelantan, tetapi negeri luar juga," katanya pada sidang media di Markas Taktikal Briged Tenggara PGA di Lubok Stol di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya turut menumpaskan cubaan menyeludup kuda ketika mengambil alih tugas Ops Benteng Covid-19 bermula 16 Ogos lalu.

Sebelum ini, media melaporkan sejumlah haiwan eksotik seperti labi-labi, anak ular dan burung kakak

tua bernilai RM67,600 di tinggalkan penyeludup di tebing Sungai Golok dekat pangkalan haram Bilah Dolalah, di sini.

Mat Shukor turut berkongsi kejayaan PGA8 menumpaskan 25 kes penyeludupan dalam tempoh 10 hari yang membabitkan nilai rampasan lebih RM1.2 juta.

Katanya, jumlah itu membabitkan lebih RM698,000 rampasan barang

seperti bongkah kayu sangkar kelulut, karkas babi hutan, cecair vape, beras dan dadah manakala RM526,000 lagi adalah kenderaan disita.

Dalam pada itu, beliau berkata, sempadan Malaysia-Thailand yang dikawal pihaknya ketika ini 'tenang' dengan aktiviti penyeludupan yang semakin perlahan.

"Pihak kami sendiri melakukan tinjauan melalui tebing di sepanjang Sungai Golok dan bantuan unit khas udara untuk melihat keadaan semasa di kawasan sempadan. Hasil tinjauan menunjukkan kegiatan penyeludupan semakin perlahan.

"Ia adalah sesuatu yang positif, namun anggota PGA8 tetap peka dengan sebarang kemungkinan penyeludup menggunakan strategi baru untuk mengaburi mata pihak berkuasa," katanya.

MAT Shukor menunjukkan gambar kuda dirampas anggota PGA8.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.8.2021 JUMAAT	Harian Metro	Lokal	24

# Sumbang 600kg ayam sejuk beku

**Rantau Panjang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Kelantan menyumbang 600 kilogram (kg) ayam sejuk beku bernilai RM5,700 kepada Penjara Penor, Pahang kelmarin.

Pengarah Maqis Negeri Kelantan Roslan Che At berkata, ia bertujuan menuhi keperluan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan kele di bawah program re-

habilitasi banduan Jabatan Penjara Malaysia.

Katanya, semua serahan itu hasil sitaan pengimpor tan keluaran pertanian yang sudah melalui proses undang-undang dan yang sudah dilucuthakkan.

“Pengeluaran ayam sejuk beku ini tidak mematuhi aspek perundangan seperti mana yang tertakluk di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya.